



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UKQE 3001

SECTION 22

LAPORAN REFLEKSI
(A)

NAMA: NUR AIN FATHIAH BINTI MOHD ROSLI

MATRIC: A18GH0069

I/C: 991027-03-5036

TARIKH HANTAR: 18 MEI 2021

NAMA PENSYARAH: SYAMSUL HENDRA BIN MAHMUD

ISI KANDUNGAN

Bil	Perkara	Muka Surat
1.0	Pengenalan	3
2.0	Refleksi	4-5
3.0	Kemahiran	6
4.0	Penutup	7
5.0	Appendix	8-9

1.0 PENGENALAN

Program: A Day with Animal

Tempat: Zoo Johor

Tarikh: 13 April 2019

Jawatan: Peserta

Untuk laporan refleksi ini, saya telah memilih aktiviti yang berkaitan dengan gotong-royong untuk membersihkan zoo yang dibuat di Zoo Johor. Program ini memberi impak yang positif kepada saya kerana saya mendapat banyak pengalaman baru untuk belajar dan saya belajar menyayangi haiwan dan berbuat baik dengan haiwan kerana saya dapat lihat bahawa haiwan-haiwan di dalam zoo sangat bergantung kepada pekerja-pekerja zoo untuk memberi mereka makan, membersihkan najis dan sebagainya. Sebenarnya, ini merupakan pengalaman pertama saya untuk pergi ke zoo.

Di dalam aktiviti ini, saya hanya menjadi peserta sahaja dimana saya seorang diri sahaja yang sertai tanpa ditemani oleh kawan-kawan. Pada mulanya saya berasa takut dan rasa janggal untuk sertai program ini kerana saya rasa malu dan tiada teman berborak tetapi disebabkan saya terlampau ingin pergi dan bersihkan zoo dan mencari pengalaman baru semasa belajar di universiti, saya nekad untuk sertai program ini.

Program ini dijalankan pada hari Sabtu iaitu pada 13 April 2019. Untuk menyertai program ini, peserta mestilah membayar yuran peryertaan sebanyak dua ringgit. Bayaran yuran yang rendah tetapi mendapat pengalaman yang sangat lumayan. Program ini disertai oleh 39 orang pelajar UTM. Untuk pergi ke sana, kami menaiki bas di perhentian bas Fabu. Program ini bermula pada pukul 8 am sehingga 12 pm dan nama program ini adalah "A Day With The Animals".

2.0 REFLEKSI

Semasa menyertai program ini, saya merasa janggal kerana tidak tahu untuk bercakap dengan siapa-siapa tetapi setelah sampai disana dan kami dibahagikan kepada beberapa kumpulan, saya mula bercakap dengan kawan-kawan sekumpulan saya. Kumpulan kami diarahkan untuk membersihkan satu stor yang bersepah dan menyediakan makanan untuk haiwan seperti ular, landak, monyet dan burung enggang. Untuk penyediaan makanan, saya dan salah satu ahli kumpulan memotong sayur-sayur ke dalam baldi untuk diberikan kepada haiwan. Ahli kumpulan saya sangat peramah dan kami bercakap antara satu sama lain tanpa memperkenalkan nama masing-masing.

Setelah menyediakan makanan haiwan, kami semua bergerak ke tempat haiwan dengan menaiki motor tiga roda yang dibawa oleh perkerja disitu. Kumpulan kami terdiri daripada 6 orang dan pekerja itu membawa setiap dua orang daripada kami untuk naik motor tersebut. Disini, saya belajar untuk berkomunikasi dengan orang yang lebih tua yang memberi tunjuk ajar untuk melakukan kerja-kerja yang kebiasaan diorang lakukan kerana saya sangat susah untuk memulakan komunikasi dengan orang yang lebih tua tetapi pekerja-pekerja di situ sangat peramah dan mesra.

Sangkar haiwan pertama yang kumpulan kami pergi adalah sangkar landak. Kumpulan kami harus membersihkan kawasan tempat tinggal landak dan memberi landak makan. Disini, saya mewakilkan diri untuk membersihkan sangkar landak kerana hanya tiga orang sahaja yang perlu membersihkan sangkar landak. Sejujurnya, saya berasa takut disebabkan landak mempunyai duri yang tajam dan bagi saya muka landak seakan-akan muka tikus iaitu haiwan yang saya paling geli dan fobia tetapi disebabkan saya ingin mencari pengalaman yang baru saya buangkan perasaan takut itu dan fokus kepada pembersihan. Saya dapat mengatasi perasaan takut dan geli demi mencari pengalaman baru.

Selepas memberi landak makan, kumpulan kami meneruskan kerja kami untuk memberi makan kepada monyet. Semasa memberi monyet makan, ramai pengunjung yang melihat dan bertanya bagaimana cara kami sertai untuk dapat masuk sangkar monyet untuk memberi monyet makan. Disini, saya dapat lihat bahawa untuk mendapat pengalaman ini setelah habis belajar mungkin sangat susah jadi saya sangat bersyukur bahawa saya mempunyai peluang untuk bergotong-royong membersihkan zoo dan saya mendapat kemahiran untuk membersihkan dan memberi haiwan makan.

Setelah memberi monyet makan dan membersihkan sangkar haiwan-haiwan disana, saya bersama ahli kumpulan dibawa oleh perkerja disitu untuk melihat ular, melihat rakun dan bergambar bersama pekerja tersebut dengan patung kura-kura yang besar untuk dijadikan kenangan. Tidak lupa juga, kumpulan kami juga bergambar bersama-sama semasa dan setelah membuat kerja. Selesai aktiviti gotong-royong kami dibenarkan untuk berpusing-pusing melihat Zoo Johor dan setelah itu kami semua diminta berkumpul untuk sesi penyerahan sijil dan bergambar bersama penjaga Zoo Johor.

Pada hari itu, saya pulang ke utm dengan rasa yang sangat teruja kerana berjaya mendapatkan pengalaman yang sangat baru dalam hidup saya. Saya berasa sangat bertuah untuk menyertai program seperti ini, kerana ia banyak mengajar saya pelbagai pengalaman dan merupakan pengalaman pertama saya untuk melihat haiwan-haiwan seperti harimau, gajah, buaya, badak sumbu dan sebagainya secara fizikal. Sekiranya, saya datang sebagai pengunjung saya tidak akan berpeluang untuk masuk kedalam sangkar haiwan dan memberi haiwan-haiwan itu makan.

3.0 KEMAHIRAN

- Kemahiran Komunikasi
 - Mendapat kemahiran ini untuk bercakap dengan kawan yang baru jumpa dan bercakap dengan orang yang lebih tua iaitu pekerja yang mengajar kumpulan kami untuk menyediakan makanan untuk haiwan-haiwan di zoo.
- Kemahiran Berkerjasama
 - Kemahiran ini diperoleh antara ahli kumpulan untuk sama-sama menyiapkan kerja yang diberi dan memastikan tugas yang diberi dijalankan dengan baik. Kumpulan kami berjaya menyiapkan tugas memberi makanan dan mencuci sangkar haiwan.
- Kemahiran Bersosial
 - Kemahiran ini saya dapat kerana saya belajar untuk menyesuaikan diri dengan kawan-kawan yang baru di dalam kumpulan saya untuk melakukan kerja.
 - Semasa melakukan kerja kami tidak merasa kecoh dan bercakap macam biasa. Selepas membuat kerja, kami juga mengambil gambar bersama-sama dengan perkerja yang mengajar kami di kura-kura batu.
- Kemahiran bermotivasi diri dan keupayaan ambil inisiatif
 - Saya memperoleh kemahiran ini kerana saya rasa saya mempunyai motivasi diri untuk sertai program gotong-royong disebabkan saya suka kepada haiwan dan saya sangat suka kepada aktiviti kemasyarakatan yang melibatkan gotong-royong kerana saya sukar untuk mendapatkan kemahiran seperti ini semasa di sekolah dulu jadi saya ambil inisiatif untuk sertai walaupun tanpa mengenali mana-mana pelajar yang sertai program ini.

4.0 KESIMPULAN

Kesimpulan yang dapat saya simpulkan ialah, program yang melibatkan pelajar untuk bergotong – royong membersihkan zoo sangat susah untuk diperolehi kerana saya hanya mendapat peluang ini semasa saya di universiti sahaja. Saya bersyukur walaupun tiada rakan-rakan yang ikut tetapi saya tetap pergi kerana saya sangat suka aktiviti kemasyarakatan yang dapat memupuk kesedaran diri bahawa pentingnya kita untuk menjaga dan memelihara haiwan-haiwan di muka bumi ini.

Aktiviti kemasyarakatan seperti ini, saya tidak mungkin akan lupakan kerana bukan mudah untuk saya saja-saja masuk untuk membersihkan kandang haiwan, beri makan haiwan dan sebagainya. Walaupun saya hanya menjadi peserta tetapi pengalamannya tetap ada kerana pengalaman membersihkan zoo merupakan pengalaman pertama saya dan dapat melihat haiwan-haiwan seperti landak, ular, burung enggang dan monyet secara dekat iaitu berada di dalam sangkar bersama haiwan-haiwan tersebut.

Pelbagai kemahiran juga dapat dibawa pulang dan tidak dilupakan sekali pengalaman dan kenangan-kenangan membersihkan zoo. Saya berharap bahawa sebelum saya menamatkan pengajian, saya ingin sekali lagi menyertai program gotong-royong membersihkan zoo kerana pengalaman ini pengalaman yang saya tidak mungkin untuk lupakan.

5.0 APPENDIX



sesi taklimat dan pembahagian kumpulan



Gotong-royong bersihkan stor



Penyediaan makanan untuk haiwan-haiwan



Penyediaan membersihkan sangkar landak



Teruja mengambil duri landak



Dalam sangkar burung enggang



Sesi penyampaian sijil kepada penjaga zoo



Sesi berfoto dengan ahli kumpulan dan pekerja yang memberi tunjuk ajar